



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**PROGRAM ADVOKASI PERLINDUNGAN KANAK-KANAK:
KASIH KANAK-KANAK**

LOKASI / TARIKH / MASA

**PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK KERINCHI, KUALA LUMPUR
9 OGOS 2025 (SABTU)
10.00 PAGI**

Kemas kini 8 Ogos 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. **Alhamdulillah**, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama dalam **Program Advokasi Kasih Kanak-Kanak**, di **Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Kerinchi**.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana sudi hadir pada pagi ini. Saya sangat gembira dapat bersama anda semua –_melihat senyuman anak-anak dan merasai semangat komuniti kita.

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan program ini — termasuk **Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKM WPKL)**, **Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) Brickfields**, **Persatuan Penduduk PPR Kerinchi**, **KickStart Academy**, **Yayasan Pencegahan Jenayah Kuala Lumpur**, serta rakan-rakan strategik dari NGO dan komuniti. Kerjasama erat inilah yang membolehkan program ini berjalan lancar dan memberi manfaat besar kepada anak-anak kita.

KEPENTINGAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Hari ini bukan sekadar program biasa, tetapi lambang kasih sayang kita kepada anak-anak. Ibu bapa, guru, pegawai kerajaan dan seluruh masyarakat mesti berganding bahu untuk memastikan setiap anak membesar dalam suasana yang selamat dan penuh kasih sayang.

5. Kebelakangan ini kita dikejutkan dengan pelbagai kes penderaan dan buli yang melibatkan kanak-kanak. Kerajaan sentiasa mengambil tindakan, tetapi saya ingin mengingatkan bahawa menjaga keselamatan kanak-kanak bukan sahaja tugas kerajaan. Ia adalah tanggungjawab kita bersama – ibu bapa, guru, jiran dan seluruh komuniti.

6. Jika kita melihat sesuatu yang tidak betul, laporkan. Jika anak anda datang mengadu tentang perkara yang berlaku di sekolah atau di luar, dengarlah mereka. Laporkan segera kepada Talian Kasih 15999 atau terus kepada pihak polis – satu tindakan pantas boleh menyelamatkan nyawa.

PROGRAM ADVOKASI KASIH KANAK-KANAK

7. Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, program advokasi ini telah dilaksanakan di seluruh negara pada tahun lepas. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja, sebanyak **7 buah sekolah** telah mengambil bahagian, melibatkan seramai **2,519 peserta**. Di daerah Brickfields, program ini telah dilaksanakan di **SMK Seri Pantai** dan **SK Bukit Pantai, Bangsar**, yang berjaya melibatkan **1,350 orang pelajar**.

8. Kejayaan itu telah memberi kami semangat untuk teruskan lagi pada tahun ini. Insya-Allah, pada tahun 2025 ini, kita akan melaksanakan program ini di **300 buah sekolah** dan **30 buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak** di seluruh negara. Ini adalah usaha berterusan untuk memastikan lebih ramai anak-anak tahu hak mereka dan berani bersuara apabila merasa tidak selamat.

CABARAN ERA DIGITAL

Puan-puan dan tuan-tuan,

9. Dalam dunia digital hari ini, anak-anak kita bukan sahaja berdepan risiko di luar rumah, tetapi juga di alam maya – daripada penderaan fizikal dan emosi, kepada pengabaian, eksploitasi atas talian dan buli siber. Sebab itu, kita semua perlu lebih peka dan cakna.

10. Anda semua adalah mata dan telinga masyarakat. Satu laporan tepat pada masanya boleh mengubah nasib seorang anak. Jangan takut atau ragu — kerana lebih cepat aduan dibuat, lebih cepat nyawa dan masa depan anak itu dapat diselamatkan.

PENUTUP

11. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan program ini. Sumbangan masa, tenaga, dan komitmen anda memberi kesan yang sangat besar kepada usaha kita melindungi anak-anak Malaysia.

12. Saya berharap pertemuan kita pada pagi ini menjadi satu titik semangat baharu — untuk kita semua, sama ada sebagai ibu bapa, penjaga, guru, atau ahli komuniti — terus memainkan peranan aktif memastikan kebajikan dan kesejahteraan anak-anak kita sentiasa terpelihara dan dilindungi.

13. Akhir kata, izinkan saya tinggalkan satu rangkap pantun:

Anak kecil bermain lensa,
Senyum manis penuh berseri;
Program Advokasi berakhir sempurna,
Terima kasih atas sokongan diberi.

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini merasmikan **Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

9 Ogos 2025